

## **Hubungan baik Malaysia-Singapura diteruskan- Tun M**

**SelangorKini.my**

**12 November 2018**

SINGAPURA 12 NOV: Malaysia berharap untuk meneruskan hubungan baik dalam bidang ekonomi dan saling menghormati dengan Singapura, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang tiba di sini hari ini untuk melakukan lawatan rasmi dua hari, menyifatkan Malaysia dan Singapura sebagai saudara kembar, kecuali “kembar yang tua agak besar sedikit daripada adiknya dan sedikit berusia.”

“Namun kita berjaya hidup bersama-sama dalam suasana begitu harmoni,” katanya ketika berucap pada majlis makan tengah hari untuk meraikan beliau dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali oleh rakan sejawatan beliau dari Singapura, Lee Hsien Loong serta isteri, Ho Ching di Istana di sini.

“Bukan sesuatu yang lazim untuk kita melihat negara yang pada mulanya bersatu, kemudian berpisah dan masih berupaya untuk bekerjasama serta bantu-membantu antara satu sama lain,” katanya.

Mahathir turut mengambil peluang untuk merakamkan penghargaan Malaysia atas sumbangan yang dihulur Singapura semasa negara itu berdepan krisis kewangan baru-baru ini.

**© Copyright 2016 - Developed for the People of Selangor**

Source: <https://selangorkini.my/2018/11/hubungan-baik-malaysia-singapura-diteruskan-tun-m/>